

25 APR 2003

Abdullah-Majalah (Bergambar)

KDN AKAN LEBIH BERHATI-HATI LULUS PENGEDARAN MAJALAH ASING

JOHOR BAHRU, 25 April (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri akan membuat penelitian yang lebih rapi pada masa depan sebelum meluluskan pengedaran sebarang majalah asing di negara ini, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita (Kementerian) perlu lebih berhati-hati di masa depan," katanya kepada pemberita selepas meninjau projek Gerbang Selatan Bersepadu di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Kementerian lazimnya meneliti setiap majalah asing sebelum ianya diedarkan di negara ini tetapi kadangkala "terlepas juga".

Secara kebiasaan katanya, majalah asing itu akan ditangguhkan pengedarannya di pasaran Malaysia bagi membolehkan kakitangan Kementerian meneliti kandungannya terlebih dahulu dan ia termasuk majalah The Economist.

Abdullah ditanya mengenai penapisan terhadap majalah The Economist yang edisi 5 April lepas telah mengkritik keras kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi sebuah rencananya.

Ditanya jika Kementerian itu bercadang mengheret majalah berkenaan ke mahkamah berhubung rencananya itu, Abdullah berkata, pada masa ini pihaknya tidak mempunyai sebarang perancangan untuk berbuat demikian.

Apa yang Kementerian mahukan ialah majalah-majalah itu menulis laporan yang berdasarkan pada perkara yang benar dan bukan berbentuk pembohongan serta untuk memanipulasi, katanya.

"Kita tidak mahu laporan yang tidak menggambarkan apa yang berlaku, lebih kepada rekaan yang sememangnya kita tidak dapat terima, yang tidak mengandungi maklumat yang betul," kata beliau.

Majalah itu di bawah bahagian bertajuk "A Qualified Success" antaranya menyatakan: "The greatest service of Dr Mahathir could render Malaysia after all these years would be to retire, full stop." (Bakti terbaik yang Dr Mahathir boleh sumbangkan selepas sekian lama ini ialah untuk bersara, bersara buat selama-lamanya).

Selain itu ia juga menyatakan "Installing Dr Mahathir in Jeddah where the OIC is based, would have another great advantage, for Malaysia at least; it would get him out of the country." (Menempatkan Dr Mahathir di Jeddah di mana terdapat ibu pejabat OIC, akan membawa satu lagi kelebihan, sekurang-kurangnya bagi Malaysia; ia akan membawa beliau keluar dari negara).

"Will he (Pak Lah when takes over) be able to dispense with the authoritarianism that to many, has made Dr Mahathir look more than a jailer than guardian of his people."

(Bolehkan beliau (Pak Lah apabila mengambil alih) dapat memerintah dengan menunjukkan kuasa seperti yang ramai berpendapat Dr Mahathir dilihat lebih sebagai orang yang memenjarakan daripada orang yang menjaga rakyatnya)

Isu-isu lain yang disentuh oleh artikel itu mengenai hubungan kaum, Dasar Ekonomi Baru, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), perbelanjaan projek mega, ancaman Pas dan kemampuan Umno dan Barisan Nasional.

-- BERNAMA

MHI MNY PR